

24/02/2003

Tiada halangan ajar subjek lepas waktu sekolah

SEREMBAN: Kementerian Pendidikan tidak mempunyai halangan melaksanakan pembelajaran subjek Pendidikan agama pada sesi berasingan selepas waktu sekolah sebagaimana yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim, berkata bagaimanapun kementerian memerlukan sedikit masa untuk melakukan kajian menyeluruh mengenainya.

Katanya, kajian itu perlu dilakukan bagi memastikan pelaksanaan sistem itu nanti memberi faedah kepada pelajar dan orang ramai.

"Banyak faktor yang perlu dihalusi dan diteliti terlebih dulu sebelum cadangan dapat dilaksanakan.

"Antaranya, kita harus mengkaji kekurangan bilik darjah kerana kebanyakan sekolah masih berjalan dalam dua sesi, selain membabitkan kegiatan kokurikulum yang diadakan pada sebelah petang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelepasan konvoi perwakilan Negeri Sembilan sempena Perhimpunan Kempen Aman Malaysia di Dewan Majlis Perbandaran Seremban, semalam.

Konvoi yang disertai kira-kira 5,000 orang yang menuju ke Stadium Nasional Bukit Jalil itu, dilepaskan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Samad.

Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 20 Februari lalu, berkata kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan pembelajaran subjek Pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan turut mengkaji mengenai pendekatan Pendidikan Islam yang diamalkan di Johor, selain kandungan mata pelajaran Agama Islam.

Kata Dr Mahathir, kajian itu perlu dilakukan bagi memastikan Pendidikan Islam lebih berkesan dalam membentuk peribadi Islam dan kehidupan cara Islam.

Menurut Hon yang juga Ketua MCA Negeri Sembilan, kementerian belum menubuhkan jawatankuasa bagi melakukan kajian mengenai cadangan itu tetapi menegaskan sebarang program yang diputuskan kerajaan memberi manfaat kepada rakyat.

"Kami akan melakukan yang terbaik mengenai cadangan itu. Pandangan orang ramai akan diambil kira termasuk pendekatan pendidikan Islam yang diamalkan di Johor.

"Saya ingin beri jaminan, pelaksanaan program dan aktiviti yang dianjurkan kerajaan akan mengutamakan kepentingan rakyat," katanya.